

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 DISEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

Pendapatan boleh guna isi rumah naik 2.8 peratus

Pendapatan boleh guna isi rumah naik 2.8 peratus

Pendapatan boleh guna isi rumah pada 2021 meningkat 2.8 peratus berbanding penurunan 4.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pertumbuhan ini disumbangkan oleh penerimaan faedah sosial yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kadar penyertaan buruh.

Beliau berkata, ini telah menyebabkan penggunaan akhir atau perbelanjaan isi rumah meningkat pada 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan 3.7 peratus berbanding pengurungan sebanyak 4.3 peratus pada 2020.

"Oleh itu, kadar tabungan isi rumah Malaysia adalah 8.3 peratus daripada pendapatan boleh guna isi rumah (termasuk pelarasan perubahan kelayakan pen-

cen) pada 2021," katanya dalam satu kenyataan laporan Aktaun Ekonomi Negara Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Pendapatan boleh guna kasar Malaysia mencatatkan RM1.497 trillion pada 2021 dengan sektor isi rumah berjumlah RM903.1 billion.

Mohd Uzir berkata, pendapatan boleh guna negara kasar mengukur pendapatan yang tersedia kepada keseluruhan ekonomi untuk penggunaan akhir dan tabungan kasar.

Oleh itu, katanya tabungan negara kasar (TNK) merekodkan RM402.6 billion pada 2021, peningkatan sebanyak 19.1 peratus dari pada RM337.9 billion pada tahun sebelumnya.

"Dari segi institusi, sektor per-

badanan bukan kewangan merekodkan tabungan kasar tertinggi dengan RM283.3 billion.

"Ini diikuti oleh isi rumah dengan RM80.8 billion dan sektor kerajaan am dengan RM21.8 billion. Selebihnya tabungan kasar oleh sektor perbadanan kewangan yang berjumlah RM16.7 billion atau 4.1 peratus daripada TNK," katanya.

Mengular lanjut, Mohd Uzir berkata ekonomi Malaysia adalah pemberi pinjaman bersih kepada sektor luaran dengan RM92.7 billion atau 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2021.

Beliau menjelaskan, pembelian pinjaman bersih atau penerimaan pinjaman bersih merupakan perubahan dalam nilai kekayaan disebabkan oleh tabun-

gan serta pindahan modal yang ada digunakan untuk membayai pembentukan modal atau pelaburan.

"Oleh itu, sektor perbadanan bukan kewangan memegang kedudukan pemberian pinjaman bersih sebanyak RM119.1 billion atau 7.7 peratus daripada KDNK.

"Kedua-dua sektor isi rumah dan perbadanan kewangan juga mencatatkan kedudukan pembelian pinjaman bersih dengan masing-masing RM283.3 billion (1.8 peratus daripada KDNK) dan RM4.6 billion (0.3 peratus daripada KDNK).

"Namun begitu, sektor Kerajaan am mencatatkan kedudukan penerimaan pinjaman bersih dalam ekonomi dengan jumlah RM92.3 billion (-6.0 peratus daripada KDNK) pada 2021," katanya.

Kadar tabungan isi rumah Malaysia adalah 8.3 peratus daripada pendapatan boleh guna isi rumah (termasuk pelarasan perubahan kelayakan pencen) pada 2021

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan Malaysia

